

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI B. ABDUL HAMID
(KAPAR)**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan kes kematian seorang anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Bin Mohd Kassim yang terkorban ketika bertugas dalam insiden rusuhan di sebuah kuil pada 27 November yang lalu setelah proses inkues dijalankan ketika pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, Mahkamah Koroner Shah Alam yang bersidang pada 27 September 2019, telah memutuskan punca kematian anggota bomba, Muhammad Adib bin Mohd Kassim, bukanlah disebabkan kemalangan tetapi disebabkan perbuatan jenayah oleh dua (2) orang atau lebih suspek. Berdasarkan keputusan tersebut, PDRM telah menjalankan siasatan berdasarkan arahan Pejabat Peguam Negara dan mengumpul bukti-bukti yang ada untuk dikemukakan semula kepada pihak pendakwaan.

Kertas siasatan juga telah dirujuk semula ke Jabatan Peguam Negara (AGC) pada 23 Julai 2020 dengan cadangan-cadangan seperti berikut:

- i. Menuduh 12 orang suspek di bawah Seksyen 143 Kanun Keseksaan yang merusuh dan menyerang jentera bomba; dan
- ii. Mengadakan inkues semula untuk siasatan lanjut jika dipersetujui oleh Peguam Negara di bawah peruntukan Seksyen 339(2) Kanun Prosedur Jenayah.

Memandangkan sehingga kini Kertas Siasatan dan cadangan inkues semula berkenaan masih berada di AGC, saya tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut isu inkues semula ini agar tidak mengganggu siasatan ataupun mendahului keputusan AGC.